

Tasek Gelugor: Bukan sebulan dua malah sejak lebih tiga dekad lalu penduduk Kampung Air Melintas Kecil, di sini, berdepan situasi kurang selesa terutama waktu malam berikutan terpaksa menghidu bau busuk sisa aktiviti penternakan babi yang mencemari Sungai Kreh.

Selain menyebabkan kanak-kanak diserang batuk, Sungai Kreh yang dicemari sisa babi dari Kampung Selamat juga digunakan untuk mengairi lebih 140 hektar sawah padi melalui Rumah Pam Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berikutan tidak mempunyai pilihan lain.

Masalah itu bukan saja menjejaskan kehidupan



Tiga dekad hidu bau busuk

penduduk, malah turut menyebabkan tanaman padi tidak menjadi berikutan kandungan nitrogen terlalu tinggi mengakibatkan pokok padi tumbuh subur tetapi tidak berisi.

Kira-kira 500 pesawah dari lima kampung terjejas kerana bergantung pada sumber air sungai berkecuaan termasuk 20 ahli Kelompok Padi Air Melintas Kecil.

Kampung lain turut terjejas ialah Pokok Tampang, Lahar Yooi, Permatang Berangan dan Kampung Tok Bedu.

Ketua Kelompok Padi Air Melintas Kecil Mustafa Arof berkata, berikutan pence-

maran sisa babi di Sungai Kreh, pokok padi tumbuh subur tetapi hakikatnya tidak mempunyai isi berikutan kandungan nitrogen dalam sawah berlebihan.

“Masalah pencemaran (sisa babi) menjejaskan 30 peratus tanaman padi,” katanya.

Mustafa berkata demikian mengulas kenyataan Menteri Per-

tanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, baru-baru ini yang meminta kerajaan negeri Pulau Pinang tidak lepas tangan dalam menangani isu berkenaan.

FAKTA
500 pesawah dari lima kampung terjejas kerana bergantung pada sumber air tercemar